



SUKOR BIN USIN atau *Hasyuda Abadi* dilahirkan pada 1 September 1960 di Kampung Lumadan Beaufort. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Lumadan dan melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah menengah St. John Beaufort sehingga lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan mempunyai Sijil Pengaturcaraan Komputer UiTM. Dalam bidang penulisan Hasyuda amat meminati penulisan kreatif genre puisi, cerpen dan eseи di samping penulisan skrip drama. Mula menulis pada tahun 1979, puisi pertamanya tersiar di dalam akhbar *Sabah Times*. Hasyuda Abadi antara penulis yang cemerlang dalam genre puisi, beliau juga merupakan Penulis Anak Angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada tahun 1987 di bawah bimbingan Dato' SN Haji Kamal Abdullah (Kemala). Sehingga kini Hasyuda telah menghasilkan tujuh buah antologi puisi secara solo iaitu *Balada Paduka Mat Salleh*, *Akar Cahaya*, *Datang Kembali*, *Menginai Badai*, *Sinar Sirna*, *Kembali di Lahad Rahsia*, *Suara yang Terbuka*, buku pantun *Usul Mengenal Asal* dan antologi cerpen berjudul *Sepasang Sayap Jelita*.

Abdullah (Kemala). Sehingga kini Hasyuda telah menghasilkan tujuh buah antologi puisi secara solo iaitu *Balada Paduka Mat Salleh*, *Akar Cahaya*, *Datang Kembali*, *Menginai Badai*, *Sinar Sirna*, *Kembali di Lahad Rahsia*, *Suara yang Terbuka*, buku pantun *Usul Mengenal Asal* dan antologi cerpen berjudul *Sepasang Sayap Jelita*.

Karya-karya beliau juga turut termuat dalam 41 buah antologi puisi bersama dan dua buah antologi cerpen bersama. Ketua Satu Ikatan Penulis Sabah (IPS) dan mantan Penulis Anak Angkat Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah ini merupakan antara penulis negeri Sabah yang banyak meraih kemenangan dalam pelbagai sayembara dan peraduan menulis. Antaranya adalah *Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas*, *Takungan Bayu*, *Hadiah Penyajak Terbaik Berita Sabah*, *Hadiah Tinta Sastera*, *Hadiah Karya Sulung*, *Hadiah Utama Peraduan Menulis Puisi Berunsur Islam*, selain telah sepuluh kali meraih anugerah Hadiah Sastera Sabah dan terkini beliau dipilih sebagai penerima anugerah Tokoh Penyair Islam Sabah yang ke-12.